

# MESYUARAT AWG KE-94

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2901-mesyuarat-awg-ke-94](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2901-mesyuarat-awg-ke-94)

PATTAYA, 17 Jan 18 - Mesyuarat *Air Working Group* (AWG) di antara TUDM dan RTAF telah dipengerusikan secara bersama oleh Air Marsyal Maanat Wongwat (*Deputy Chief of Ais Staff, RTAF*) dan YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Faudzi bin Hj Ahmad TUDM.

Mesyuarat yang diadakan bagi penggal pertama tahun 2018 ini adalah bertujuan melampirkan pelaksanaan aktiviti bersama antara RTAF dan TUDM untuk tahun 2017 serta menyelaras perancangan aktiviti tahun 2018.

Pada masa yang sama juga, mesyuarat IPC Eksesais AIRTHAMAL 27/18 turut diadakan untuk menyelaraskan keperluan semua aspek pentadbiran, logistik dan operasi bagi melancarkan eksesais yang bakal dilaksanakan.

Manakala mesyuarat SOC/CRC dilaksanakan untuk membincangkan dan memperkasa hubungan kerjasama pengoperasian dan pengurusan ruang udara di sempadan kedua-dua negara.

